

# Kakitangan kontrak UMS perlu komited

KOTA KINABALU: Semua kakitangan kontrak, sementara dan sambilan disaran supaya menunjukkan kekuatan semangat bekerja dalam tempoh terdekat ini sebelum diserapkan ke jawatan tetap di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pendaftar UMS, Mejari (K) Abdullah Haji Mohd. Said berkata pada masa berkenaanlah ketua-ketua jabatan akan menilai tugas yang telah dilaksanakan yang memberikan kepuasan terhadap sesuatu jawatan yang disandang.

Katanya, kakitangan yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang tidak memuaskan akan menyebabkan mereka dengan mudah diberhentikan.

Tambahnya, ada kakitangan yang telah dilantik ke jawatan tetap, tetapi tidak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dan mendapat laporan kurang baik daripada ketua jabatan malah selalu hilang pada waktu bekerja sedang diteliti oleh pihak pendaftar.

“Semua kakitangan harus bersyukur kerana telah terpilih daripada beberapa ribu pemohon untuk bekerja di Universiti Malaysia Sabah. Setiap kakitangan yang telah diambil bekerja di UMS mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk menaikkan martabat dan imej universiti,” katanya berucap pada majlis perhimpunan Pendaftar Bersama Staf Sokongan I dan II lanjutan Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) di Dewan Resital, Sekolah Pengajian Seni (SPS), kelmarin.

Abdullah memuji usaha Kekaumas yang diterajui Presidennya, Amat Jutrah Musnih serta barisan exconya yang berjaya mengumpulkan kakitangan sokongan I dan II pada hari berkenaan.

Beliau mahu kakitangan sokongan I dan II yang belum menjadi ahli Kekaumas supaya memberikan sokongan

kepada kesatuan berkenaan dengan mengisi borang keahlian dengan kadar segera.

Katanya, terdapat banyak faedah yang diperolehi dari kesatuan termasuk rawatan gigi dari RM100 kepada RM300 setahun sekeluarga, pemberian baju batik, baju seragam, penyelarasan kenaikan gred berasaskan tempoh perkhidmatan 15 tahun, penyelarasan waktu anjal selain perkara yang mendapat kejayaan di peringkat Gabungan Kesatuan Universiti Malaysia (GAKUM) dan Cuepacs.

Dalam ucapannya, Amat Jutrah berkata tujuan perhimpunan bersama Pendaftar UMS untuk kakitangan berkenal-kenalan dan beramah mesra bersama pendaftar.

Katanya, sekiranya kerajaan memberikan bonus kepada semua kakitangan dalam sektor awam, pihak Kesatuan akan memohon sumbangan sebanyak RM10 daripada setiap kakitangan yang dibayar gaji oleh UMS.

“Kakitangan berkenaan termasuk daripada gred 1 sehingga ke gred paling tinggi, daripada jumlah sumbangan berkenaan RM5 akan disumbangkan kepada pihak Gabungan Kesatuan Universiti Malaysia (GAKUM),” katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon dan Pendaftar UMS serta pengurusan universiti yang sentiasa mendengar kehendak ahli Kesatuan berkenaan.

Sementara itu, Amat Jutrah berkata Kesatuan akan mengadakan lawatan ke luar negara seperti Jakarta, Bandung dan Filipina pada Disember 2010 yang terhad kepada 40 orang peserta sahaja.

Katanya, ahli kesatuan yang berminat untuk menyertai lawatan berkenaan diminta menghubungi Exco Kekaumas, Manap Jainudin dan Salmiah Tertip.



**SELAMAT DATANG...**  
Abdullah yang diiringi Amat Jutrah (kiri) bersalam dengan Exco Kekaumas UMS.